SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2021 Perakaunan Semester 1 Kampar + Skema

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

948/1
Perakaunan
2021

2 jam

SMK SERI KAMPAR
JLN. ISKANDAR, 31900 KAMPAR
PERAK DARUL RIDZUAN.

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
2021

PERAKAUNAN PENGGAL 1
(PRA U BAWAH PERAKAUNAN)

Dua Jam

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi lima soalan
2. Jawab mana – mana **empat** soalan
3. Semua kerja penghitungan hendaklah ditunjukkan dengan jelas
4. Markah untuk bahagian soalan diberikan dalam tanda kurung [ ]

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak termasuk muka hadapan soalan

SOALAN PERTAMA

1.(a) Bagi setiap urusniaga yang berikut , nyatakan prinsip perakaunan yang tidak dipatuhi, dan sediakan catatan jurnal untuk membetulkan catatan urusniaga yang berkaitan

(i) Perniagaan Naz membeli lima buah kalkulator dengan harga RM 20 sebuah . Kalkulator itu dijangka dapat digunakan selama 2 tahun. Kos kalkulator dipermodalkan dan disusutnilaikan setiap tahun,

(ii) Pada akhir tahun kewangan ,kos inventori akhir ialah RM 263,000 tetapi nilai pasarannya ialah RM 250,000. Polisi syarikat adalah untuk menilai inventori dengan menggunakan kaedah TAKAP. Pada tahun itu syarikat telah membuat keputusan untuk melaporkan inventori pada kos ,

(iii) Pada akhir tahun kewangan ,perniagaan mempunyai baki akaun belum terima adalah RM 30,000. Perniagaan tidak memperuntukkan sebanyak 5% daripada baki akaun belum terima yang dijangka tidak dapat menjelaskan hutang mereka,

(iv) Abdullah Sani , pemilik Perniagaan Seni Visual, telah menyewa sebuah bangunan dua tingkat, Suku daripada jumlah sewa dibayar adalah sewa kediaman pemilik, Kesemua belanja sewa sebanyak RM 24,000 telah direkodkan sebagai belanja sewa perniagaan,.

[7 M]

(b) Cik Zanna , pemilik Perniagaan TEN TEN telah menjalankan Perniagaan Tekstail sejak dua tahun yang lalu telah memberikan Imbangan Duga perniagaan pada 31hb Disember 2020 seperti yang berikut :-

Perniagaan TEN TEN
Imbangan Duga Pada 31 Disember 2020

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Tunai	67,200	
Akaun belum terima	22,860	
Bekalan	3,160	
Insurans prabayar	7,200	
Peralatan (nilai buku)	54,000	
Nota belum bayar		30,000
Akaun belum bayar		37,060
Modal pada 1 Oktober 2020		60,000
Ambilan	1,800	
Hasil fi perkhidmatan		45,660
Belanja perjalanan	3,900	
Belanja sewa	3,600	
Belanja gaji	8,400	
Belanja am	600	
	172,720	172,729

Maklumat tambahan :

(1) Bekalan dalam tangan pada 31 Disember 2020 ialah RM 2,250
(2) Insurans yang dibayar adalah untuk tahun berakhir 30 September 2021.
(3) Fi untuk perkhidmatan yang sudah diperoleh berjumlah RM 2,300 , tetapi belum lagi dibilkan kepada pelanggan
(4) Salah seorang pelanggan yang masih lagi berhutang (termasuk dalam Akaun Belum Terima) telah muflis dan baki hutangnya ialah RM 1,400
(5) Pada 31 Disember 2020, seorang pelanggan telah membayar pendahuluan untuk perkhidmatan sebanyak RM 1,000.Kerja-kerja pengiklanan itu akan dijalankan oleh perniagaan ini pada pertengahan Januari 2021,
(6) Belanja gaji yang dibayar adalah untuk 2 bulan ,gaji bulan Disember masih belum bayar.
(7) Peralatan diperuntukan susut nilai dengan 20% setahun pada kos. Peralatan itu dibeli pada 1 Januari 2018.

Dikehendaki sediakan :-

(i) Catatan jurnal bagi urusniaga di atas [8 M]
(ii) Penyata Pendapatan Komprehensif bagi sukuan tahun berakhir 31 Disember 2020, [5 M]

SOALAN KEDUA

a) Pada 1 Januari 2020, Syarikat Parit Tengah Sendirian Berhad memulakan perniagaan menjual bekas minuman kesihatan yang dijual pada harga RM150 seunit. Syarikat menggunakan **sistem inventori berterusan** . Berikut ialah maklumat urus niaga belian dan jualan inventori syarikat bagi 6 bulan berakhir 30 Jun 2020:

Tarikh	Urusniaga	
	Belian	**Jualan**
1 Januari	1,240 unit @ RM55	
23 Januari	620 unit @ RM56.50	
15 Februari		840 unit
8 Mac		500 unit
16 April	1,860 unit @ RM60	
30 April		320 unit
14 Mei	430 unit @ RM62	
28 Jun		320 unit

Syarikat membeli lengkapan dan perabot kedai RM50,000, dan dijangka dapat digunakan selama 5 tahun dengan nilai sisa 10% daripada kos. Belanja pengedaran ialah RM2,000 sebulan. Seorang kerani ditugaskan untuk menjaga kedai dan dibayar RM1,000 sebulan.

Dikehendaki :

i) Hitung inventori akhir dengan menggunakan kaedah Masuk Dulu Keluar Dulu (MDKD) dan Masuk Kemudian Keluar Dulu (MKKD). [4 M]

ii) Sediakan penyata pendapatan bagi kedua – dua kaedah. [7 M]

(b) Pada 30 April 2020 , Syarikat Adibah mempunyai baki dalam buku tunai sebanyak RM11,401.60. Baki yang terdapat pada penyata bank pula ialah RM12,370.60 . Perbandingan antara penyata bank dengan buku tunai telah menunjukkan maklumat berikut :-

(1) Deposit pada 30 April berjumlah RM 2 050 masih belum terdapat dalam penyata bank bulan April

(2) Cek-cek berikut yang sudah dikeluarkan oleh syarikat masih belum terdapat dalam penyata bank , iaitu cek N0. 101200 berjumlah RM 1 200. Cek N0. 101209 berjumlah RM 534, Cek N0. 1013001 berjumlah RM 988.

(3) Cek daripada pelanggan berjumlah RM 996 telah direkod betul dalam penyata bank, tetapi direkod sebagai RM 969 dalam buku syarikat.

SOALAN KETIGA

(a) Pada 1 Januari 2020, buku lejar Syarikat Khadijah menunjukkan baki liabiliti semasa seperti berikut:

Akaun Belum Bayar	RM12 500
Cukai Jualan Belum Bayar	RM 8 200

Urus niaga bagi bulan Januari adalah seperti berikut:

Jan 1	mendapat RM50 000 dari Bank Muamalat untuk pinjaman bagi tempoh dua tahun dengan kadar faedah 12% setahun.
Jan 5	menjual barangan dan menerima tunai berjumlah RM25 652 termasuk cukai jualan 6%.
Jan 10	membeli barang niaga secara kredit daripada Perniagaan Hanafi bernilai RM31 000.
Jan 18	Syarikat Khadijah telah menerima tunai berjumlah RM18 000 sebagai bayaran pendahuluan bagi penghantaran barang niaga pada bulan Februari.
Jan 23	Syarikat Khadijah telah menerbitkan 40 000 unit bon 7% nilai tara RM1 000 seunit dan matang dalam tempoh 5 tahun.
Jan 30	menjelaskan cukai jualan bulan Januari 2020 kepada Jabatan Kastam.

Dikehendaki:
Sediakan catatan jurnal untuk merekod urus niaga di atas. [7M]

SOALAN KEEMPAT

a) Nyatakan **empat** prinsip koperasi yang unik dan berbeza dari organisasi lain.

[2 M]

b) Baki berikut yang terdapat dalam buku Koperasi Helwa Batu Putih Berhad pada 31 Disember 2020 yang belum terlaras.

	RM	RM
Harta tanah, loji dan peralatan (kos)	250,000	
Kenderaan (kos)	90,000	
Susut nilai terkumpul pada 1 Januari 2020		
Harta tanah, loji dan peralatan		50,000
Kenderaan		18,000
Tunai di Bank	25,400	
Inventori pada 1 Januari 2020	56,000	
Pinjaman kepada ahli	120,000	
Akaun Belum Terima	40,000	
Akaun Belum Bayar		14,000
Pinjaman Bank		120,000
Modal saham		300,000
Kumpulan Wang Rizab Berkanun		10,500
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi		11,000
Keuntungan terkumpul pada 1 Januari 2020		26,400
Jualan		450,000
Belian	198,300	
Belanja Sewa	15,500	
Belanja gaji dan upah	20,400	
Belanja Utiliti	4,800	
Belanja mesyuarat agung	7,500	
Faedah pinjaman bank	14,000	
Belanja alatulis	3,000	
Pendapatan Pelbagai		25,000
Simpanan tetap	180,000	
	1,024,90	1,024,900

Maklumat tambahan:

1) Inventori pada 31 Disember 2020 ialah RM 75,000
2) Belanja susut nilai bagi harta tanah, loji dan peralatan ditetapkan pada kadar 10% setahun atas kos manakala kadar susutnilai untuk kenderaan ialah 20% atas kos.
3) Yuran masuk berjumlah RM 1,800 belum direkodkan.
4) Jualan kepada anggota dalam tahun kewangan 2020 berjumlah RM 134,500
5) Rebat jualan sebanyak 6% dicadangkan.
6) Dividen dicadangkan adalah sebanyak 10%

SOALAN KELIMA

(a) Senaraikan tiga masalah yang timbul akibat mengamalkan rekod tidak lengkap dan catatan tunggal [3]

(b) Encik Min Ho telah memulakan perniagaan pada 1 Januari 2018 dengan membuka Kedai OPPA Fashion.Beliau tidak menyimpan rekod perniagaan yang lengkap. Baki akaun pada 1 Januari 2020 adalah seperti berikut:

	RM
Kenderaan pada kos	20 000
Kelengkapan pada kos	3 500
Akaun Belum Terima	8 400
Inventori	1 500
Tunai	15
Akaun Belum Bayar	6 200
Sewa terakru	200

(1) Butiran dalam Ringkasan Penyata bank bagi setahun sehingga 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

Akaun Bank

	Masuk	**Keluar**
	RM	**RM**
Baki 1 Jan 2020	5	
Jualan	300	
Bayaran kepada Akaun belum Bayar	76 200	62 000
Belian		5 100
Sewa		2 600
Kelengkapan		1 000
Cajbank		30

Maklumat tambahan berikut diperolehi:

(1) Inventori akhir pada 31 Disember 2020 adalah RM 2 000

(2) En Min Ho menghadiahkan sepasang pakaian yang berharga RM 600 pada harga jualan biasa dari kedainya kepada isterinya . Semua barangan yang dijual oleh En Min Ho pada harga kos tambah 20 %.

Skema Penggal 1 Tahun 2021 Perakaunan

SOALAN PERTAMA

1(a) Prinsip	Catatan Jurnal		
		Dt (RM)	Kt. (RM)
(i) Materialiti/	Dt Belanja alat tulis/ Belanja am/ Belanja pelbagai	100/	
	Kt Kalkulator / Alat Pejabat		100/
	Dt Susut nilai terkumpul Kalkulator/Alat Pejabat	50/	
	Kt Belanja susut nilai Kalkulator/Alat Pejabat		50/
(ii) Konservatisme /	Dt Perdagangan	13,000/	
	Kt Inventori		13,000/
(iii) Konservatisme/	Dt Belanja hutng ragu	1,500/	
Pemadanan	Kt Peruntukan hutang ragu		1,500/
(iv) Entiti	Dt Ambilan	6,000/	
Berasingan /	Kt Belanja sewa		6,000/

** Semua jurnal mesti ada keterangan , tolak ¼ m setiap jurnal jika tiada keterangan

[14/2 = 7M]

1(b)(i)	Catatan Jurnal		
		Dt (RM)	Kt. (RM)
(1)	Dt Belanja bekalan (3160-2250)	910/	
	Kt Bekalan		910/
(2)	Dt Belanja insurans (7200 x 3/12)	1,800//	
	Kt Insurans prabayar		1,800/
(3)	Dt Akaun belum terima	2,300/	
	Kt Hasil fi perkhidmatam		2,300/
(4)	Dt Belanja hutang lapuk	1,400/	
	Kt Akaun belum terima		1,400/
(5)	Dt Tunai	1,000/	
	Kt Hasil belum terperoleh/ Hasil terdahulu		1,000/
(6)	Dt Belnja gaji (8400 /2)	4,200/	
	Kt Gaji terakru/ belum bayar		4,200/
(7)	Dt Belanja susut nilai peralatan (20%x $\frac{54000}{0.6x4}$)	4,500 //	
	Kt Susutnilai terkumpul peralatan		4,500/

** Semua jurnal mesti ada keterangan , tolak ¼ m setiap jurnal jika tiada keterangan [16/2 = 8M]

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar